

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**FALSAFAH DI SEBALIK UKIRAN KAYU
TRADISIONAL DI KAMPUNG KELUBI, PASIR
PUTEH, KELANTAN**

KHAIRUNNISA' BINTI SUKRI

Penulisan Ilmiah yang dikemukakan untuk memperolehi
**Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa
Melayu Komunikasi Profesional**

Akademi Pengajian Bahasa

JUN 2016



اَوْبَقُ سَيِّئِي تَيَكُونُ لَوْ كِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

JABATAN PENGAJIAN MELAYU

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA

**FALSAFAH DI SEBALIK UKIRAN KAYU TRADISIONAL DI KAMPUNG
KELUBI, PASIR PUTEH, KELANTAN**

DISEDIAKAN OLEH

KHAIRUNNISA' BINTI SUKRI

2013847716

Penulisan Ilmiah ini telah diterima oleh Akademi Pengajian Bahasa untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa Melayu Komunikasi Profesional pada Sesi 2013/2016.

Penyelia

Tarikh

Tarikh

PENGAKUAN

Dengan ini, saya ingin menyatakan bahawa segala kerja-kerja yang dilakukan dalam Penulisan Ilmiah ini telah dihasilkan tertakluk kepada peraturan Universiti Teknologi Mara. Ia merupakan karya yang asli dan dihasilkan oleh saya sendiri, kecuali terdapat petikan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya saya sertakan sumber rujukannya. Penulisan Ilmiah ini belum pernah dihantar atau diserahkan kepada mana-mana institusi akademik atau bukan akademik untuk tujuan pengijazahan atau lain-lain penganugerahan.

Sekiranya Penulisan Ilmiah ini telah terbukti melanggar perkara yang telah disebutkan di atas, saya dengan suka relanya akan mengeneppikan atau tidak menuntut sebarang hak untuk penganugerahan ijazah saya. Saya juga bersetuju supaya dikenakan tindakan disiplin berdasarkan peraturan yang telah termaktub oleh Universiti Teknologi Mara.

Nama : Khairunnisa' Binti Sukri

No. Pelajar : 2013847716

Program : Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa Melayu Komunikasi Profesional

Fakulti : Akademi Pengajian Bahasa

Tajuk : Falsafah Di Sebalik Ukiran Kayu Tradisional Di Kampung Kelubi, Pasir Puteh, Kelantan

Tandatangan : _____

Tarikh : _____

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim...

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia serta rahmat-Nya saya dapat menyiapkan Penulisan Ilmiah ini.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Encik Azhar Abdul Wahab, selaku penyelia Penulisan Ilmiah ini kerana telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan dan pandangan membina kepada saya untuk saya menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Beliau banyak memberi kritikan yang positif di samping memberikan idea-idea yang bernas sepanjang saya menyiapkan tugas ini. Sikap dan dorongan yang beliau berikan dapat meringankan sedikit cabaran yang dihadapi serta memberi keyakinan bahawa saya mampu melakukannya.

Teristimewa buat ibu bapa dan keluarga tercinta, terima kasih kerana memberi dorongan serta semangat untuk saya meneruskan tugas ini. Semoga pengorbanan kalian termasuk tenaga dan wang ringgit tidak dapat saya balas dan hanya mampu memberikan usaha yang terbaik dan berharap diiringi dengan kejayaan kelak.

Untuk sahabat saya yang banyak menghulurkan bantuan dan memberi kata perangsang di saat saya memerlukannya, terima kasih yang tidak terhingga diucapkan. Sesungguhnya kejayaan dalam menyiapkan Penulisan Ilmiah ini merupakan kejayaan kita bersama untuk terus maju ke hadapan dengan kejayaan demi kejayaan yang lain.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada mereka yang banyak menyumbangkan bantuan untuk saya menyiapkan tugas ini dengan jayanya termasuklah para pensyarah yang mengajar saya di Akademi Pengajian Bahasa. Sekian, TERIMA KASIH.

ABSTRAK

Kajian mengenai *Falsafah Di Sebalik Ukiran Kayu Tradisional di Kampung Kelubi, Pasir Puteh, Kelantan* menfokuskan mengenai motif ukiran kayu yang dihasilkan oleh para pengukir mempunyai nilai estetikanya yang begitu bernilai dan suatu seni yang begitu halus. Pengkaji melakukan kajian ini dengan menggunakan beberapa pendekatan termasuklah kaedah lapangan dengan cara menemubual informan untuk mendapatkan maklumat. Selain itu, pengkaji mendapatkan maklumat lain dengan merujuk kepada tujuh kajian lepas yang telah dipilih bersesuaian dengan kajian pengkaji dan kebanyakan kajian tersebut menekankan kepada keunikan yang dikaitkan dengan falsafah di sebalik ukiran kayu tradisional. Selain itu, pengkaji menggunakan teori yang paling utama berdasarkan persepsi pengukir terdahulu iaitu Wan Su Othman dan Norhaiza Nordin berkaitan dengan motif ukiran Melayu. Tambahan pula, bagi mendapatkan kesahihan sesuatu data, pengkaji turut mengedarkan borang soal selidik kepada beberapa orang responden yang terdiri daripada penduduk dari jajahan negeri Kelantan. Seterusnya, kajian ini menjelaskan mengenai kajian falsafah ukiran Melayu yang meliputi teknik pengaplikasian ukiran kayu sama ada dalam bentuk makna yang berkaitan dengan motif ukiran dan sebagainya. Oleh itu, motif ukiran yang dicipta ini sebenarnya bukan hanya sekadar tatapan masyarakat sebagai pameran keindahan semula jadi, tetapi tujuan utama motif ini adalah sebagai simbolik untuk membentuk keperibadian masyarakat terutamanya dari segi keluhuran budi, budaya dan adab tatasusila masyarakat Melayu.